

KEPENTINGAN SIFAT AMANAH: ANALISIS TEMATIK DALAM AL-QURAN

Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Nurzatil Ismah Azizan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
sahlawati@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pelbagai kesalahan yang melibatkan kes pecah amanah berleluasa dewasa ini. Cara yang terbaik bagi menyelesaikan permasalahan ini ialah merujuk kepada al-Quran. Oleh itu aspek utama yang perlu diberi penekanan ialah penjelasan al-Quran mengenai kalimah amanah. Kajian ini akan menganalisis secara tematik kalimah amanah yang terdapat di dalam al-Quran dengan menggunakan metode analisis kalimah secara maudhu'i. Metode yang digunakan ialah analisis dokumen yang dibuat secara induktif. Terdapat enam kalimah amanah di dalam al-Quran dan kajian hanya akan membincangkan definisi amanah serta kepentingan sifat amanah dalam pekerjaan berdasarkan konteks ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kalimah amanah yang disebut di dalam al-Quran mempunyai tiga kepentingan iaitu mengenalpasti pemilik amanah, menekankan asas penjagaan amanah dan menjelaskan dasar amanah dalam muamalah.

Katakunci: Amanah, Al-Quran, Tematik, Metode Analisis Kalimah.

1. PENGENALAN

Gejala kesalahan jenayah yang melibatkan para pegawai dalam kakitangan kerajaan semakin berleluasa. Di antara kesalahan tersebut ialah pecah amanah. Selain itu jenayah kolar putih juga mencatatkan rekod kerugian yang dialami mangsa pada tahun 2015 meningkat hampir 100 peratus iaitu melibatkan lebih RM2.43 bilion berbanding tahun 2014 yang merekodkan hanya RM1.24 bilion. Pelbagai kes penipuan adalah penyumbang utama peningkatan jenayah kolar putih tersebut.

Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Mortadza Nazarene, JSJK menerima laporan rekod kerugian sebanyak RM2,434,774,588.34 pada 2015 dan jumlah tersebut meningkat sebanyak 95.10 peratus berbanding tahun lalu. Kes Pecah Amanah Jenayah merupakan kes kedua tertinggi dengan catatan sebanyak 2,612 kes atau 13 peratus (Ilah, 2016).


Kes pecah amanah dilihat sebagai satu kes jenayah yang berat terutamanya apabila ianya dilakukan oleh pegawai kerajaan. Terdapat beberapa kes pecah amanah yang melibatkan pegawai beruniform seperti pegawai polis dan imigresen. Laporan akhbar The Malay Mail online (Nov 2015) menyatakan bahawa polis menahan tujuh individu termasuk dua orang pegawai kanan polis kerana dipercayai terlibat dalam kes pecah amanah RM1.5 juta membabitkan kontrak mengubah suai dan membaik pulih ibu pejabat Polis Bukit Aman.

Penyelesaian terbaik bagi kesemua kesalahan yang dinyatakan di atas bukanlah sekadar hukuman tetapi ialah kembali merujuk kepada ajaran al-Quran. Islam menjadi pilihan satu-satunya untuk manusia mencapai keseimbangan dalam pembangunan dan kehidupan dalam menghadapi kemelut tamadun moden yang kalut dan miring kepada kemajuan kebendaan dan kemegahan kuasa pemerintahan dan pengetahuan manusia. Asasnya ialah bahawa Islam sebagai agama penyempurna memberi manusia manhaj kehidupan yang memiliki ciri-ciri keseimbangan dan kesempurnaan (Al-Qaradhawi, 1998). Oleh yang demikian kertas ini akan membincangkan asas penyelesaian melalui analisis kalimah amanah dalam al-Quran.

2. REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode analisis kalimah secara mawdu'î yang dikemukakan oleh Dr. Salah Abd al-Fattah al-Khalidy (1997).

Kerangka kajian



3. Makna kalimah amanah

Kalimah Allah berasal dari perkataan (أمن). Ia membawa beberapa maksud menurut mu'jam berikut:

i. *Maqayis al-Lughah* (Ibnu Faris, 1994)

Berasal dari *hamzah, mim dan nun* yang bermaksud lawan kepada khianat. Maka maksudnya ialah hati yang tenang dan membenarkan. Perkataan amanah berasal dari aman dan amanah adalah lawan kepada khianat.

ii. *Mufradat al-Alfaz al-Quran* (Al-Raghib al-Asfahani, 1997)

Amanah berasal dari al-amn iaitu ketenangan jiwa dan menghilangkan rasa ketakutan. Ia juga boleh bermaksud keadilan.

4. Kalimah Amanah Dalam Al-Quran

Perkataan amanah disebut sebanyak enam kali dalam enam ayat yang berbeza di dalam al-Quran. Ayat-ayat ini menyentuh mengenai konsep dan ciri-ciri amanah.

i. Surah Al-Ahzab ayat 72

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan”.

Ibnu Kathir (1993) menyatakan tafsiran ayat ini adalah berkaitan ketika amanah hendak diserahkan kepada langit bumi serta gunung kesemuanya tidak sanggup menerimanya. Lalu diserahkan kepada manusia dan mereka sanggup untuk menerima amanah tersebut.

Al-'Aufi berkata dari Ibnu 'Abbas "Yang dimaksud dengan amanah adalah ketaatan yang ditawarkan kepada mereka sebelum ditawarkan kepada Adam, akan tetapi mereka tidak menyanggupinya. Lalu Allah berfirman kepada Adam: 'Sesungguhnya Aku memberikan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-gunung, akan tetapi mereka tidak menyanggupinya. Apakah engkau sanggup untuk menerimanya?' Dia menjawab: 'Ya Rabbku, apa isinya?' Allah berfirman: 'Jika engkau berbuat baik, engkau akan diberikan balasan. Dan jika engkau berbuat buruk, engkau akan disiksa.' Lalu Adam menerimanya dan menyanggupinya. (Ibnu Kathir 1993, Al-Qurtubi 1993)

'Ali bin Abi Thalhaf berkata dari Ibnu 'Abbas: "Amanah adalah kewajipan-kewajipan yang ditawarkan oleh Allah kepada langit, bumi dan gunung-gunung. Jika mereka menunaikannya, Allah akan membalas mereka. Dan jika mereka menyia-nyiakannya, nescaya Allah akan menyiksa mereka. Mereka enggan menerimanya dan menolaknya bukan kerana maksiat, akan tetapi kerana ta'zhim (menghormati) agama Allah kalau-

kalau mereka tidak mampu menunaikannya." Kemudian Allah SWT menawarkannya kepada Adam, maka Adam menerimanya dengan segala konsekuensinya. Malik meriwayatkan bahawa Zaid bin Aslam berkata: "Amanah itu tiga; solat, puasa dan mandi junub"

Semua pendapat tersebut tidak saling bertentangan, bahkan saling melengkapi. Semuanya kembali kepada makna, bahawa amanah tersebut adalah taklif (pembebanan) serta menerima berbagai perintah dan larangan dengan syaratnya. Iaitu, jika dia melaksanakannya, dia akan diberi pahala. Dan jika dia meninggalkannya, dia akan disiksa. Maka manusia menerimanya atas kelemahan, kebodohan dan kezalimannya kecuali orang yang diberikan taufiq oleh Allah.

Menurut al-Qurtubi (1993), amanah yang dimaksud oleh ayat ini bersifat umum, iaitu untuk semua perbuatan yang berkaitan dengan agama. Al-Qurtubi juga berpendapat bahawa amanah seorang wanita kepada suaminya untuk menjaga kehormatannya. Ini adalah pendapat jumhur ulama, amanah adalah kewajipan-kewajipan yang dibebankan Allah kepada para hamba-Nya. Namun para ulama berlainan pendapat mengenai perinciannya, Ibnu Mas 'ud berpendapat bahawa yang dimaksud dengan amanah itu adalah amanah pada perkara kewangan, seperti menyimpan harta atau yang lainnya. Riwayat dari Ibnu Mas'ud lainnya menyebutkan bahawa amanah itu berlaku untuk semua kewajipan yang dibebankan kepada manusia, namun yang paling berat adalah amanah yang berkaitan dengan kewangan.

Ibnu Kathir (1993) menjelaskan maksud ayat "Sehingga Allah mengazab orang-orang munafik lelaki dan perempuan dan orang-orang musyrikin lelaki dan perempuan." iaitu, anak Adam bersedia menanggung amanah ini, iaitu berupa taklif, sehingga Allah mengadzab orang-orang munafik lelaki dan perempuan di antara mereka.

Al-Qurtubi memberi maksud dalam ayat "Maka semuanya enggan untuk memikul amanah itu," maksudnya adalah, untuk memikul dosanya apabila mereka lalai untuk memikulnya dengan baik sebagaimana disebutkan pada firman Allah SWT, "mereka akan memikul beban (dosa) mereka, dan beban-beban (dosa yang lain) di samping beban-beban mereka sendiri." (Al-Ankabut [29]: 13) Firman Allah SWT, yang bermaksud, "Dan dipikullah amanah itu oleh manusia". Hasan berkata, "Maksudnya adalah manusia dari golongan munafik dan kafir". "Sesungguhnya manusia itu amat zalim" maksudnya adalah terhadap diri mereka sendiri.

Selain itu, ada yang berpendapat bahawa ayat ini termasuk ayat yang bermakna kiasan. Iaitu, apabila kita memperbandingkan beratnya amanah dengan kekuatan yang dimiliki oleh langit, bumi, dan gunung, maka kita akan melihat bahawa mereka tidak kuat untuk menanggung beban amanah tersebut dan apabila mereka dapat berbicara

maka mereka pasti akan menolaknya dan memahami akan ketidakmampuan mereka Qatadah berkata, "Zalim bukan terhadap dirinya namun terhadap amanah yang dipikulnya, dan bodoh sebatas apa yang telah dicampurinya. Ini adalah penafsiran dari Ibnu Abbas dan Ibnu Jubair. Sedangkan Hasan menafsirkan bahawa bodoh terhadap Tuhannya. Hasan juga berpendapat bahawa maknanya adalah berkhianat atau tidak memikul amanah itu dengan baik."

Al-Tabari (1987) menyatakan, para ahli takwil berbeza pendapat mengenai maknanya. Sebagian berpendapat bahawa maknanya adalah, Allah mengemukakan ketaatan dan kewajipan-kewajipan kepada-Nya pada langit, bumi, dan gunung-gunung, bahawa apabila mereka berbuat baik, maka mereka diberi balasan. Sedangkan jika mereka mengabaikannya, maka mereka disiksa. Oleh kerana itu, mereka menolak untuk memikul amanah itu kerana takut tidak boleh menjalankan kewajipannya dan akhirnya Adamlah yang memikul amanah itu.

ii. Surah Al-Anfal: ayat 27

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)".

Aku (Ibnu Katsir) berkata: "Yang benar bahawa ayat ini bersifat umum, meskipun benar bahawa ayat ini turun kerana sebabnya khusus, namun yang dijadikan pegangan adalah keumuman lafaznya bukan kekhususan sebab menurut jumhur ulama, khianat itu mencakupi dosa-dosa kecil dan dosa-dosa besar pada diri seseorang ataupun orang lain".

Ali bin Abi Thalhah berkata, dari Ibnu 'Abbas berkenaan dengan firman Allah yang bermaksud "Dan (juga janganlah) kamu mengkhianat amanah-amanah yang dipercayakan kepadamu." Amanah adalah segala macam amal perbuatan yang diamanahkan Allah kepada hamba-hamba-Nya. Maksudnya adalah kewajipan, ia juga berkata: "Jangan berkhianat," maksudnya adalah, jangan melanggar amanah itu. "Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad)," dengan meninggalkan sunnahnya dan melakukan kemaksiatan kepadanya.

Diriwayatkan bahawa ayat ini turun pada Abu Lubabah bin Abdul Mundzir, ketika dia mengisytarkan hukum bunuh kepada bani Quraizhah. Abu Lubabah berkata, 'Demi Allah, tidaklah bergeser kedua kakinya hingga aku sedar bahawa aku telah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya.' Lalu turun ayat ini. Ketika ayat ini turun, dia lalu mengikatkan tubuhnya pada sebuah tiang masjid lantas berkata, "Aku tidak akan makan dan minum sampai aku mati atau Allah menerima taubatku." Kisah ini sangat

populer. Kisah Abu Lubabah dalam Sirah Ibnu Hisyam (2/236), UsudAl Ghabah (5/284), Tafsir Ath-Thabari (8/146), dan Tafsir Ibnu Katsir (3/581).

Ada juga yang mengatakan bahwa ayat ini turun kepada orang-orang yang mendengar sesuatu dari Nabi SAW, lalu mereka sampaikan kepada orang-orang musyrik dan mereka sebarkan. Ada lagi yang mengatakan bahwa maknanya adalah berlaku curang pada harta rampasan perang. Dinisbatkan pengkhianatan kepada Allah, sebab Dialah yang memerintahkan pembahagiannya, dan dinisbatkan pengkhianatan kepada RasulNya kerana beliaulah yang menyampaikan perintah dari Allah itu dan yang menegakkannya.

Menurut Al-Tabari berkata: Allah berfirman kepada orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya yang terdiri dari para sahabat Rasulullah SAW, "Wahai orang-orang yang mempercayai Allah dan RasulNya, 'Janganlah kamu mengkhianati Allah'." Maksud khianat kepada Allah dan RasulNya adalah ada di antara mereka yang memperlihatkan diri bersama Rasulullah SAW dan kaum mukmin dengan keimanan dan nasihat, padahal sebenarnya mereka menutupi kekufuran dan tipuan yang ada di dalam diri mereka. Mereka menunjukkan kelemahan orang-orang mukmin kepada orang-orang musyrik. Mereka memberitahukan rahsia orang-orang mukmin kepada orang-orang musyrik.

Ahli takwil berbeza pendapat tentang orang yang dimaksud dalam ayat ini serta sebab turunnya. Sebahagian berpendapat bahawa ayat ini tentang orang munafik yang menulis surat kepada Abu Sufyan dan menceritakan rahsia kaum muslim. Pendapat yang paling utama tentang ini adalah sesungguhnya Allah melarang orang-orang yang beriman mengkhianati Allah, RasulNya, dan amanah yang diamanahkan kepada mereka. Mungkin ayat ini tentang Abu Lubabah. Atau mungkin juga tentang orang lain. Tidak terdapat khabar sahih yang menyebutkan secara pasti.

Dalam riwayat lain disebutkan, ada yang berpendapat bahawa maknanya adalah janganlah kamu mengkhianati Allah dan RasulNya, serta jangan pula mengkhianati amanah-amanah yang dipercayakan kepadamu, sedangkan kamu mengetahuinya. Mereka yang berpendapat seperti itu adalah: Al Mutsanna menceritakan kepadaku, ia berkata: Abu Shalih menceritakan kepada kami, ia berkata: Mu'awiyah menceritakan kepadaku dari Ali, dari Ibnu Abbas, tentang ayat, "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan juga janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang dipercayakan kepadamu," ia berkata, "Makna lafaz adalah janganlah kamu mengurangi amanah".

Oleh itu maksud ayat ini adalah wahai orang-orang beriman, janganlah kamu mengurangi Allah kepadamu dalam melaksanakan kewajipan kepada-Nya serta

kepada RasulNya dengan taat dan patuh kepadanya. Patuh dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya atas apa yang diperintahkan dan apa yang dilarang. Janganlah kamu mengurangnya dan mengkhianati amanahmu, serta jangan pula mengurangi kewajiban agamamu yang harus kamu laksanakan dengan sungguh-sungguh, padahal kamu tahu itulah kewajibanmu, yang diwajibkan dengan dalil-dalil yang telah ditetapkan Allah terhadap dirimu.

iii. Surah al-Ma'arij ayat 32

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya".

Al-Qurtubi menjelaskan bahawa ayat 32, surah al-Ma'arij ini adalah berkaitan sifat orang yang menjaga amanah dan menepati janji. Ayat sebelum dan selepasnya telah menjelaskan kaitan sifat amanah dengan menjaga kehormatan dan solat. Firman Allah SWT dalam ayat 22-35: Terjemahan: Dan orang-orang yang memelihara kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau budak-budak yang mereka miliki maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. Barangsiapa mencari yang di sebalik itu, maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. Dan orang-orang yang memelihara amanah-amanah (yang dipikulnya) dan janjinya. Dan orang-orang yang memberikan kesaksiannya. Dan orang-orang yang memelihara solatnya. Mereka itu (kekal) di syurga lagi dimuliakan".

An-Nakha'i berkata bahawa yang dimaksud adalah orang-orang yang menunaikan solat fardhu. Ibnu Mas'ud pula berkata yang dimaksud dengan orang yang memelihara solat ialah orang-orang yang menunaikan solat pada waktunya. Sebaliknya orang yang meninggalkan solat, itu merupakan satu bentuk kekafiran. Menurut satu pendapat, golongan yang dimaksud adalah para sahabat. Menurut pendapat lain, yang dimaksud dalam ayat tersebut di atas adalah orang-orang yang beriman secara umum kerana mereka dapat mengatasi kegelisahan mereka dengan kepercayaan dan keyakinan terhadap Tuhan mereka. Ibnu Jurajj dan Hasan mengatakan, mereka adalah orang-orang yang banyak mengerjakan solat sunat.

Demikian juga dengan janji-janji kepada hambaNya yang diucapkan kepada mereka; memelihara dan menjaganya serta tidak menyia-nyiakannya. Akan tetapi mereka menunaikannya dan berjanji untuk konsisten terhadap apa yang diwajibkan oleh Allah kepada mereka dan menjaganya. FirmanNya, terjemahan: Dan orang-orang yang memberikan kesaksiannya," maksudnya adalah orang-orang yang tidak menyembunyikan apa yang mereka saksikan, akan tetapi mereka memberikan kesaksiannya, dan mereka harus konsisten melaksanakannya tanpa merubah serta menggantinya.

iv. Surah al-Mu'minun ayat 8

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan mereka Yang menjaga amanah dan janjinya”.

Perbahasan mengenai tafsir ayat ini dikupas oleh al-Tabari (1987). Beliau mengemukakan bahawa majoriti ulama membaca perkataan amanah dalam bentuk jamak. Amanah dan janji itu mencakup segala sesuatu yang dipikul oleh manusia dalam urusan agama dan dunianya, baik berupa ucapan mahupun perbuatan. Hal ini mencakup pergaulan dengan manusia, janji-janji, dan juga lainnya. Yang dituntut dalam hal ini adalah pemeliharaan dan pelaksanaannya. Amanah lebih umum daripada janji. Setiap janji adalah amanah tentang apa-apa yang sudah disampaikan, baik berupa ucapan, perbuatan ataupun keyakinan.

v. Surah al-Nisa' ayat 58

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.

Imam al-Qurtubi (1993) dalam menjelaskan ayat tersebut mengandungi keseluruhan agama dan syariat. Terdapat perbezaan berkenaan sebab penurunan ayat ini iaitu ia diturunkan kepada Ali bin Abu Thalib, Zaid bin Aslam, Syahr bin Hausyab. Menurut Ibnu Zaid ia diturunkan khas untuk pemimpin dalam kalangan kaum muslimin iaitu Nabi SAW dan para pemimpin- pemimpin terdahulu. Kisah berkenaan amanah ini adalah berkenaan kunci pintu kaabah. Ibnu Juraij berkata, "Ayat ini secara khusus ditujukan untuk Nabi SAW berkenaan kunci Ka'abah, iaitu ketika beliau mengambilnya dari Uthman bin Abu Thalhah dari Bani Abdud Dar ketika pembukaan kota Mekah. (al-Qurtubi, al-Tabari).

Pada masa tersebut Abbas bin Abdul Muthalib meminta kepada Rasulullah SAW untuk melayani pembahagian air zam-zam, kemudian Rasulullah SAW masuk ke dalam Ka'abah dan menghancurkan patung-patung berhala serta mengeluarkan maqam Nabi Ibrahim a.s. Datang Jibril a.s menurunkan ayat ini. Umar bin Khathab berkata, "Dan Rasulullah SAW keluar dengan membaca ayat ini. Baginda s.a.w memanggil Uthman dan Syaibah lalu berkata, "Ambillah oleh kalian berdua sesuatu yang kekal dan diwarisi, tidak ada yang mengambilnya daripada kalian berdua kecuali orang yang zalim. Makki menyatakan bahawa Syaibah tidak ingin mengambil kunci itu lagi, lalu ia mengembalikannya dan berkata kepada Nabi SAW, Ambillah dengan amanah Allah. (al-Qurtubi 1993).

Ayat ini jelas secara umum, ditujukan kepada manusia yang mempunyai kuasa dalam pembahagian harta, tidak zalim dan adil. Ia ayat yang khusus untuk menjaga kesaksian dan seumpama dengannya. Amanah di sini adalah berkenaan amanah terhadap setiap aspek dalam wudhu, solat, zakat, janabah, puasa, timbangan. Ianya tidak ada keringanan melainkan semua perlu beramanah dalam hal tersebut. (al-Qurtubi 1993)

Ayat ini diturunkan khas kepada pemimpin dalam melaksanakan amanah mereka dengan adil. Ianya adalah suruhan melaksanakan amanah kepada yang berhak. Ada yang menyatakan ia adalah suruhan pemimpin berbuat baik kepada wanita iaitu menasihati wanita dengan cara yang baik. Ayat ini juga menunjukkan wajib untuk taat kepada pemimpin. Amanah juga termasuk beramanah dalam pembahagian harta rampasan perang. Tanggungjawab tersebut adalah dalam urusan agama dan dunia. Ada yang berpandangan ia adalah berkenaan melunasi hutang. (al-Tabari). Hal seperti ini diriwayatkan dari hadits marfu', dari Ibnu Abbas, dari Nabi SAW, beliau bersabda, "Segala sesuatu kecuali amanah (iaitu) dan amanah dalam solat, puasa dan berbicara dan yang paling penting adalah titipan".

Hadis ini disebutkan oleh Abu Nu'aim Hafizh dalam Hilyah. Orang yang berpendapat bahawa ayat ini bersifat umum iaitu Barra" bin Azib, Ibnu Mas'ud, Ibnu Abbas dan Ubay bin Ka'ab, mereka berkata, "Amanah dalam setiap hal, iaitu dalam hal wudhu, solat, zakat, janabah, puasa, timbangan, takaran, dan titipan", dan Ibnu Abbas berkata, "Allah tidak memberi keringanan bagi orang yang susah mahupun senang, (hendaklah) mereka memegang amanah". Aku (Qurthubi) katakan: Ini merupakan ijma', mereka juga sepakat bahawa amanah kembali kepada orang-orang baik dan mereka yang jahat, itu dikatakan oleh Ibnu Mundzir. Amanah merupakan mashdar yang mempunyai arti seperti maf'ul, demikianlah yang disepakati.

Kesimpulan dari pembahasan yang lalu bahawa Allah SWT mengkhabarkan perilaku ahli kitab yang menyembunyikan sifat Muhammad SAW, begitu pula perkataan mereka bahawa orang-orang musyrik lebih benar, itu merupakan bentuk khianat dari mereka dimana perkataan mereka itu termasuk kategori amanah, sehingga ayat ini mencakupi setiap amanah yang jumlahnya banyak. Hukum-hukum intinya berkenaan dengan penyimpanan, barang temuan, gadai dan pinjaman. Ubay bin Ka'ab meriwayatkan, ia berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Tunaikanlah amanah kepada orang yang mempercayaimu dan janganlah khianati orang yang berkhianat padamu,".

Ibnu Zaid berbicara mengenai firman "Allah, 'Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya ". Amanah di sini adalah ghanimah (harta rampasan perang) yang mereka jaga dalam pengumpulan dan

pembahagiannya, atau sedekah yang mereka atur dalam hal pengumpulan dan pembahagiannya. "Dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil." Ayat ini memerintahkan para pemimpin terlebih dahulu, kemudian mengarahkan perintah kepada kita (para pengikut) serta semua yang memiliki tanggungjawab dalam menjalankan amanah, baik dalam urusan agama mahupun dunia.

Oleh kerana itu, sebuah pendapat mengatakan, "Maksud ayat ini adalah 'melunasi hutang dan menunaikan hak-hak yang ada pada manusia'." Mereka yang berpendapat demikian menyebutkan riwayat berikut: Mawardi dalam An-Nukat wa Al Uyun (1/498) dan Ibnu Athiyah dalam Al Muharrir Al Wajiz (2/70).

Abu Ja'far berkata: Jika penafsiran ayatnya seperti itu, maka perintah yang datang sesuai dengan yang telah kami jelaskan, "Wahai para pemimpin kaum muslim, sesungguhnya Allah telah memerintahkan kalian untuk melaksanakan apa yang telah dipercayakan kepada kalian iaitu tanggung jawab terhadap harta rampasan perang, hak-hak, harta, dan sedekah mereka, untuk dijalankan dengan baik sesuai perintah Allah kepadamu, tentunya setelah berada di tanganmu. Laksanakanlah semua itu dengan baik, kerana memang telah diserahkan kepada orang yang memang menjadi ahlinya.

Janganlah kalian menzalimi ahlinya, jangan memonopoli sesuatu tersebut, jangan menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya, dan jangan mengambilnya kecuali dari apa yang telah diizinkan untuk kalian ambil dari sebahagiannya sebelum berada dalam kekuasaanmu. Allah juga memerintahkan kalian untuk memberikan keputusan secara adil dan bijaksana jika di antara orang-orang yang ada dalam tanggung jawabmu ada perkara yang harus diputuskan oleh kalian. Itu merupakan hukum Allah yang telah diturunkan dalam kitab-Nya melalui lisan Rasul-Nya, maka janganlah kalian melampaui atau melanggar hukum tersebut".

vi. Surah al-Baqarah ayat 283

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya. dan janganlah kamu (Wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang

menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”.

At-Tabari menyatakan penakwilan Firman Allah: (Akan tetapi jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain, maka hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanahnya dan hutangnya dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya). Abu Ja'far berkata: "Maksud Allah SWT dengan firman- Nya tersebut: Jika orang yang berhutang dipercayai oleh pemilik wang, dia tidak menggadaikan hutangnya dalam perjalanan kerana telah dipercayai. Maka hendaklah orang yang berhutang bertakwa pada Allah SWT, ia berkata: Hendaklah dia takut pada Allah SWT atas hutangnya untuk mengingkari atau berusaha lari darinya sehingga siksa Allah SWT ditampakkan padanya dan hendaknya dia menunaikan hutang yang telah dipercayakan padanya. Kami telah menyebutkan pendapat yang mengatakan hukum dari Allah SWT ini menghapus hukum-hukum yang ada dalam ayat sebelumnya mengenai perintah kepada para saksi dan para penulis. Kami berdalil bahwa pendapat itu lebih benar dari pendapat yang lain dan saya rasa tidak perlu mengulanginya di sini". Berdasarkan riwayat-riwayat sebagai berikut:

Yahya bin Abi Thalib menceritakan kepadaku, ia berkata: Yazid memberitahukan kepada kami, ia berkata: Juwaibir memberitahukan kepada kami, dari Adh-Dhahhak tentang firman Allah: "Akan tetapi jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain, maka hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanahnya (hutangnya)", maksudnya adalah dalam perjalanan, sedangkan dalam keadaan menetap dan dia tidak menemukan seorang penulis, dia tidak boleh menggadai dan sebahagian mereka tidak saling mempercayakan satu sama lain.

Abu Ja'far berkata: "Ini adalah pendapat Adh-Dhahhak, bahawa orang memberi hutang tidak boleh mempercayai orang yang berhutang ketika dapat menemukan penulis, buku dan saksi meskipun keduanya berada dalam keadaan bermusafir.

5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan tafsiran kesemua ayat-ayat al-Quran yang terdapat di dalamnya kalimah amanah dapatlah disimpulkan tiga kepentingan amanah. Pertama ialah mengenalpasti pemilik amanah seperti yang dijelaskan dalam ayat 72 surah al-Ahzab dan ayat 58 surah al-Nisa'. Dalam surah al-Ahzab pada asasnya Allah SWT menyerahkan amanah kepada langit, bumi dan gunung ganang namun kesemuanya menolak untuk memikul amanah kerana bimbang tidak dapat menyempurnakannya. Oleh itu manusia menyanggupi untuk memikul amanah walaupun disifatkan mereka sebagai zalim dan bodoh. Amanah yang dipikul oleh manusia ini sangatlah berat kerana ia mengandungi perintah dan larangan. Ia memberi kesan yang sangat berat iaitu sekiranya dapat

dilaksanakan dengan baik akan mendapat ganjaran yang baik manakala sekiranya dilaksanakan dengan buruk akan mendapat siksaan.

Dalam surah al-Nisa' pula pemilik amanah dikhususkan kepada para pemimpin yang memegang amanah dan kepada manusia yang mempunyai kuasa secara umum. Pemimpin yang memegang amanah mestilah mempunyai sifat tidak zalim dan adil.

Kepentingan amanah yang kedua ialah menekankan asas penjagaan amanah seperti yang dihuraikan dalam ayat 27 surah al-Anfal, ayat 32 surah al-Ma'arij dan ayat 8 surah al-Mu'minin. Dalam ayat 27 surah al-Anfal Allah SWT menjelaskan keutamaan menjaga amanah adalah ketika tidak mengkhianati Allah SWT dan RasulNya. Orang yang mengkhianati amanah termasuk dalam ciri-ciri orang munafik dan orang yang menjaga amanah hendaklah melaksanakan kewajipan dengan bersungguh-sungguh.

Dalam ayat 32 surah al-Ma'arij pula sebelum seseorang itu diperintahkan menjaga amanah dia hendaklah terlebih dahulu menjaga kehormatan dan solat. Kedua-dua perkara ini iaitu kehormatan dan solat merupakan perkara yang amat berat hendak dijaga. Apabila telah sempurna pemeliharaan kedua perkara tersebut barulah mudah untuk menjaga amanah.

Ayat yang terakhir dalam kepentingan yang kedua ini ialah ayat 8 surah al-Mu'minin. Ayat ini memberi penekanan asas penjagaan amanah ialah dari aspek menjaga janji dan semua urusan agama serta dunia. Janji disini bermaksud lebih khusus manakala amanah lebih bersifat umum.

Kepentingan amanah yang ketiga ialah menjelaskan dasar amanah dalam muamalah yang dinyatakan dalam ayat 283 surah al-Baqarah. Muamalah dalam ayat ini ialah aspek berhutang dan perlu dilaksanakan dengan jujur. Menjaga amanah dalam berhutang ketika bermusafir sangatlah dituntut apatah lagi dalam keadaan sebaliknya.

Kesimpulannya al-Quran menjelaskan kepentingan amanah melalui enam ayat yang khususnya menyebut kalimah amanah. Bagi mencapai *maqasid al-Quran* amanah yang dijelaskan dalam ayat-ayat tersebut menguji manusia dalam menurut perintah Allah SWT dan meninggalkan laranganNya. Ia juga menuntut manusia supaya mentaati Allah SWT dan RasulNya.

RUJUKAN

- Al-Ba'albaqi, Ruhi. 2001. *Al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayiin.
Al-Baqi, Muhammad Fuad Abd. 1994. *Mu'jam mufahhras li alfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- Al-Jazairi, Abu Bakar Jabir. 2000. *Aysar al-Tafasir*. Madinah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah. 1997. *Al-Tafsir al-Maudhu'i: Bayna al-Nazhariyah wa al-Tatbiq*. 'Amman: Dar al-Nafais.
- Al-Qardawi, Yusuf. 1993. *Malamih al-Mujtama' al-Muslim*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi, Abdullah ibn Ahmad. 1993. *Al-Jami' li ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kitab al-Alamiyah.
- Al-Razi. 1995. *Tafsir al-Razi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad ibn Jarir. 1987. *Jami' al-Bayan fi tafsir al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Faris, Ahmad. 1994. *Mu'jam Maqayis fi al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, Ismail ibn Umar. 1993. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Raghib al-Asfahani. 1997. *Mufradat al-faz al-Quran*. Damsyik: Dar al-Qalam.